



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 2 TAHUN 2010

PENGECUALIAN SYARAT LULUS SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) UNTUK MEMOHON PEMBIAYAAN PENDIDIKAN BAGI PELAJAR-PELAJAR KELULUSAN *UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC)* DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pengecualian syarat wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memohon pembiayaan pendidikan PTPTN bagi pelajar-pelajar kelulusan *Unified Examination Certificate (UEC)* yang mengikuti pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

LATAR BELAKANG

2. Merujuk kepada para 3.1(iii), Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2005, semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mestilah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperoleh sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran bagi melayakkan mereka dipertimbangkan pembiayaan pendidikan PTPTN. Mulai 13 April 2010, Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan supaya PTPTN mempertimbangkan pembiayaan pendidikan bagi pelajar-pelajar IPTS yang mempunyai kelulusan UEC tanpa SPM.

PELAKSANAAN

3. Dengan pengecualian syarat ini, pelajar-pelajar yang terlibat adalah dibenarkan memohon pembiayaan pendidikan mengikut kaedah yang dipersetujui antara PTPTN dan IPTS masing-masing. Pelajar-pelajar dinasihatkan untuk sentiasa merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar, IPTS berkaitan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Selain daripada pengecualian ini, syarat-syarat pembiayaan pendidikan sedia ada adalah dikekalkan.


TARIKH KUAT KUASA

4. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **3 Mei 2010**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(WAN AHMAD BIN WAN YUSOFF)
Pemangku Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

3 Mei 2010